

ANALISIS PRINSIP KEPENTINGAN BOLEH LINDUNG DALAM KONTRAK TAKAFUL PASCA AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN ISLAM 2013

AN ANALYSIS OF PERMISSIBLE TAKAFUL INTEREST IN TAKAFUL CONTRACT POST THE ISLAMIC FINANCIAL SERVICES ACT 2013

Mohd Faiz Mohamed Yusof ⁱ, Nurhanani Romli ⁱⁱ, Azri Bhari ⁱⁱⁱ,
Mohamad Mahyuddin Khalid ^{iv}, Mohd Ashrof Zaki Yaakob ^v & Mohd Yusra Abdullah ^{vi}

- ⁱ (*Corresponding author*). Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam. faizyusof@uitm.edu.my
- ⁱⁱ Pensyarah Kanan, Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tg Malim, Perak. nurhanani@fpe.upsi.edu.my
- ⁱⁱⁱ Profesor Madya, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam. Azrib178@uitm.edu.my
- ^{iv} Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam. emkay@uitm.edu.my
- ^v Profesor Madya, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam. ashrof@uitm.edu.my
- ^{vi} Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam. yusra@uitm.edu.my

<p>Abstract</p>	<p><i>The principle of insurable interest is the main focus aspect in the business of takaful operations. This study uses a qualitative methodology by collecting data through a literature review, Shariah Resolution Bank Negara Malaysia, Islamic Financial Services Act 2013, Takaful Act 1984, and two informants who are directly involved in the takaful industry in Malaysia. Insurable interests are the main basis for the effectiveness of takaful contracts. In terms of sharia, takaful contracts ensure legal and fair protection for participants. This principle also aims to avoid misappropriation of funds in takaful contracts. The objective of this study is to analyse the implementation of the principle of insurable interest after the Islamic Financial Services Act 2013 (IFSA 2013) in the takaful industry in Malaysia. The findings of this study show that the Shariah Resolution has decided the sharia aspect of the principle of insurable interest in takaful contracts and subsequently gazetted it in the Islamic Financial Services Act 2013 to protect the validity and stability of takaful contracts from any legal disputes.</i></p> <p><i>Keywords: Takaful, Principle, Insurable Interest, Shariah Resolution, IFSA 2013.</i></p>
<p>Abstract</p>	<p><i>Prinsip kepentingan boleh lindung merupakan aspek fokus utama dalam perniagaan operasi takaful. Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif dengan mengumpulkan data melalui kajian literatur, dokumen Resolusi Syariah Bank Negara Malaysia, dokumen perundangan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, Akta Takaful 1984 dan dua informan yang terlibat langsung dalam industri takaful di Malaysia. Kepentingan boleh lindung adalah asas utama kepada keberkesanan kontrak takaful. Dari segi syariah, kontrak takaful memastikan perlindungan yang sah dan adil kepada peserta. Prinsip ini turut bertujuan mengelakkan penyelewangan dana dalam kontrak takaful. Objektif kajian ini ialah menganalisis praktis pelaksanaan prinsip</i></p>

	<p><i>kepentingan boleh lindung pasca Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (APKI 2013) dalam industri takaful di Malaysia. Dapatan kajian ini menunjukkan Resolusi Syariah telah memutuskan aspek syariah dalam prinsip kepentingan boleh lindung kontrak takaful dan seterusnya digazetkan dalam Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 untuk melindungi kesahan dan kestabilan kontrak takaful daripada sebarang pertikaian perundangan.</i></p> <p><i>Kata kunci: Takaful, Prinsip, Kepentingan Boleh Lindung, Resolusi Syariah, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.</i></p>
--	--

PENDAHULUAN

Malaysia merupakan sebuah Negara yang unik berikutan mempunyai dua kerangka perundangan yakni undang-undang Inggeris atau dikenali sebagai *Common Law* dan undang-undang syariah. Undang-undang Inggeris diaplikasi dalam hampir semua situasi perundangan di mahkamah sivil di Malaysia kecuali melibatkan beberapa perkara berkaitan undang-undang syariah. Undang-undang syariah di Malaysia diperuntukan mengenai aspek perkahwinan dan perwarisan khusus bagi masyarakat Muslim di Malaysia. Bagaimanapun, aspek kewangan Islam mempunyai perbezaan kerana dikategorikan sebagai kewangan di bawah perlembagaan Malaysia. Ini bererti segala pertikaian mengenai kewangan Islam akan dibicarakan melalui mahkamah sivil.

Dengan kerjasama daripada pengawal selia yakni BNM dan badan perundangan, melalui Pelan Induk Sektor Kewangan Malaysia 2001-2010 menyediakan rangka tindakan bagi penubuhan sebuah mahkamah komersil Syariah dalam sistem kehakiman di Malaysia. Mahkamah komersil Syariah ditubuhkan bertujuan menangani isu undang-undang yang berkaitan dengan kewangan Islam. Disebabkan pembangunan pesat industri kewangan Islam di Malaysia, Jabatan Kehakiman telah mengambil langkah proaktif dengan menubuhkan satu bahagian khas di bawah Mahkamah Sivil untuk mengendalikan kes berkaitan perbankan dan kewangan Islam. Penubuhan mahkamah komersil ini khusus ini berdasarkan Arahan Amalan Bil. 1/2003 yang dikeluarkan oleh Ketua Hakim Negara pada ketika itu yakni Dato' Haidar Mohd Nor. Sejak tahun 2003, kes berkaitan kewangan Islam telah didaftarkan di Mahkamah Tinggi Bahagian Dagang 4. Mahkamah khusus ini yang dikenali sebagai Mahkamah Muamalat mula beroperasi pada Februari 2009 di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.

Dalam konteks industri takaful di Malaysia, syarikat takaful di Malaysia memerlukan peruntukan perundangan yang komprehensif dan holistik bagi menyokong dan mengukuhkan rangka kerja perundangan industri takaful di Malaysia. Lakuna atau kelompongan dalam perundangan mendedahkan industri takaful kepada pertikaian. Contohnya, terdapat syarikat takaful yang enggan melaksanakan sesuatu praktis contoh penamaan dalam hibah bersyarat sekiranya tidak mempunyai peruntukan perundangan yang jelas mengenai praktis tersebut. Sebarang pertikaian mengenai kewangan Islam termasuklah kontrak takaful dijalankan melalui perundangan sivil. Oleh sebab itu, peruntukan perundangan merupakan pendekatan utama yang diperlukan untuk menguruskan keterdedahan risiko syariah khususnya berkaitan bidang kuasa tadbir urus syariah dan peruntukan berkaitan pematuhan terhadap resolusi syariah. Operasi syarikat takaful di Malaysia melibatkan dua kategori jenis perniagaan takaful iaitu takaful am dan takaful keluarga. Terdapat syarikat takaful yang menjalankan kedua-dua jenis perniagaan iaitu takaful am dan takaful keluarga yang kemudian diarahkan untuk pengasingan syarikat perniagaan takaful mengikut jenis operasi syarikat takaful. Berikut ialah jadual 1 yang menunjukkan senarai Syarikat Takaful.

Bil.	Nama syarikat takaful	Jenis Lesen
1.	AIA Public Takaful Bhd	Keluarga
2.	AmMetLife Takaful Berhad	Keluarga
3.	Etiqa Family Takaful Berhad	Keluarga
4.	Etiqa General Takaful Berhad	Am
5.	FWD Takaful Berhad	Keluarga
6.	Great Eastern Takaful Berhad	Keluarga
7.	Hong Leong MSIG Takaful Berhad	Keluarga
8.	Prudential BSN Takaful Berhad	Keluarga
9.	Sun Life Malaysia Takaful Berhad	Keluarga
10.	Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad	Am
11.	Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad	Keluarga
12.	Takaful Ikhlas Family Berhad	Keluarga
13.	Takaful Ikhlas General Berhad	Am
14.	Zurich General Takaful Berhad	Am
15.	Zurich Takaful Berhad	Keluarga

Jadual 1: Senarai syarikat takaful di Malaysia (BNM, 2022)

Berdasarkan jadual 1 menunjukkan sebanyak 11 syarikat takaful yang mempunyai lesen mengendalikan produk takaful keluarga dan empat syarikat takaful sahaja yang mengendalikan produk takaful am. Namun begitu, semua syarikat takaful perlu mematuhi keperluan pematuhan syariah sepertimana dinyatakan dalam Bahagian IV Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (APKI 2013) ini menyatakan mengenai kehendak syariah dalam industri kewangan Islam secara keseluruhannya. Umumnya, industri takaful merupakan sebahagian daripada industri kewangan Islam. Oleh hal yang demikian, industri takaful tertakluk kepada kehendak syariah yang dinyatakan dalam bahagian IV APKI 2013. Bahagian IV APKI 2013 mengenai kehendak syariah ini dibahagikan kepada 3 penggal iaitu penggal 1 mengenai pematuhan syariah, penggal 2 mengenai tadbir urus syariah dan penggal 3 mengenai audit pematuhan syariah.

PRINSIP KEPENTINGAN BOLEH LINDUNG DARI PERSPEKTIF INSURANS KONVENSIONAL

Kepentingan boleh lindung dari perspektif insurans konvensional dikenali sebagai kepentingan boleh diinsuranskan (*Insurable Interest*). Kepentingan boleh diinsuranskan bermaksud kepentingan yang boleh atau dilindungi oleh kontrak insurans. Kepentingan ini dianggap sebagai salah satu bentuk harta daripada perspektif undang-undang. Kewujudan elemen kepentingan boleh diinsuranskan yang membezakan kontrak insurans daripada kontrak pertaruhan. Ini bererti, kontrak insurans akan menjadi kontrak pertaruhan dan dikategorikan sebagai tidak sah jika ia berlaku tanpa kepentingan boleh diinsuranskan. Kepentingan boleh diinsuranskan juga ditakrifkan sebagai, “apabila pihak yang

diinsuranskan menetapkan kontrak yakni sehingga berlakunya peristiwa di mana wang manfaat insurans akan dibayar sebagai hasil anggaran akibat kehilangan atau penentuan mana-mana hak yang diiktiraf oleh undang-undang atau dalam mana-mana liabiliti undang-undang, apabila terdapat kepentingan boleh diinsuranskan setakat kemungkinan kerugian atau liabiliti.”

Tanpa kepentingan boleh insurans, kontrak insurans ialah kontrak perjudian dan kontrak perjudian tidak boleh dikuatkuasakan secara sah. Sebagai contoh, individu A tidak boleh menginsuranskan rumah yang dimiliki oleh individu B yang mana individu A tidak mempunyai sebarang kepentingan boleh diinsuranskan. Jika individu A dibenarkan mengambil insurans bagi rumah yang dimiliki individu B, ini seakan-akan mewujudkan konsep pertaruhan yang jelas yang mana individu A akan memenangi pertaruhan yang besar sedangkan individu A tidak menanggung sebarang risiko kerugian kecuali jumlah kos premium. Sekiranya sesiapa sahaja dibenarkan mengambil insurans bagi mana-mana pemilikan, ini seolah-olah syarikat insurans menyediakan peluang penyelewengan dengan jelas yakni pihak yang diinsuranskan dengan sengaja menyebabkan kejadian insiden berlaku.


Sebagai contoh, selepas membeli insurans rumah bagi rumah individu B, individu A mungkin secara sengaja menyebabkan kebakaran untuk mengambil manfaat insurans. Oleh yang demikian, prinsip terdapat keperluan jelas untuk mengaplikasikan prinsip kepentingan boleh diinsuranskan bagi mengurangkan kerugian yang disengajakan oleh satu pihak yang mempunyai kepentingan kewangan yang tidak seimbang dalam menyebabkan kerugian. Kebarangkalian tindakan untuk menyebabkan kerugian akan dikurangkan apabila wujud prinsip kepentingan boleh diinsuranskan. Sebagai contoh, walaupun individu B mungkin memusnahkan harta yang diinsuranskan seperti individu A untuk keuntungan kewangannya sendiri tetapi tahap kemungkinan individu B dengan sengaja memusnahkan harta yang diinsuranskan akan lebih berkurang berbanding individu A untuk membakar rumahnya sendiri, kerana kehilangan harta bendanya sendiri merupakan kerugian langsung pada individu B yang tidak dapat dielakkan. Patterson (1944) menjelaskan kepentingan boleh diinsuranskan ialah hubungan antara pihak yang diinsuranskan dan peristiwa yang diinsuranskan seperti kejadian yang akan menyebabkan kerugian atau kecederaan yang teruk dalam beberapa tahap kepada pihak yang diinsuranskan. Rodda (1957) turut mengulaskan bahawa kepentingan boleh diinsuranskan boleh ditakrifkan sebagai kepentingan secara langsung dan nyata sehingga kejadian peristiwa yang diinsuranskan akan menyebabkan kerugian kewangan kepada yang diinsuranskan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif seperti yang dibincangkan Kahn dan Cannell (1957) yang menekankan metode temu bual secara mendalam bertujuan mendapatkan jawapan terhadap persoalan dan objektif kajian. Marshall & Rossman (1995) turut menjelaskan bahawa metode temu bual secara mendalam dilakukan secara keadaan terbuka dan bebas berbanding secara tersusun dan formal bertujuan agar mendapatkan maklumat yang jelas daripada perspektif responden tanpa sebarang jangkaan awal daripada pengkaji. Dalam kajian ini, pengkaji menemu bual bersama pihak yang terlibat secara langsung dalam pematuhan syariah, operasi dan praktis sebenar dalam industri takaful. Kajian ini menggunakan analisis kandungan dengan menganalisis dokumen utama kajian iaitu Resolusi Syariah Edisi ke-2, Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan temu bual dengan dua kepakaran dalam industri takaful di Malaysia untuk meneliti kepentingan boleh lindung pasca penggazetan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

Setelah dokumen dianalisis mengikut tema tertentu. Proses menganalisis kualitatif melibatkan proses sepertimana dicadangkan oleh Miles dan Huberman (1994). Proses menganalisis kualitatif ini tidak semestinya dijalankan secara urutan sahaja malah kadangkala perlu dijalankan secara serentak dan berulang-ulang. Di peringkat awal kajian,

pengkaji turut akan berhadapan dengan kekaburan dalam menganalisis data kualitatif. Masalah ini memerlukan penelitian secara aktif oleh pengkaji. Setelah segala data kualitatif berjaya diteliti dan diterokai dengan sempurna oleh pengkaji, maka segala kepentingan dan objektif kajian yang ingin dicapai semakin jelas. Terdapat tiga peringkat yang digunakan untuk menganalisis data kualitatif iaitu pengkodan (coding), nota memo (memoing) dan penjelasan mendalam (thick descriptions). Yusof & Romli, 2013 mengulas nota memo (memoing) adalah proses merekod dan menganalisis awalan semasa pengumpulan data di lapangan. Data-data ini seterusnya dikodkan mengikut kategori yang akan membentuk tema dapatan kajian menggunakan analisis deduktif dan induktif. Metodologi kualitatif memerlukan pengkaji menjelaskan proses menganalisis data dan membincangkan dapatan kajian secara mendalam.




Rajah 1: Gambaran Proses Menganalisis Data Secara Kualitatif (Yusof & Romli, 2013)

Rajah 1 menunjukkan gambaran proses menganalisis data secara kualitatif. Terdapat tiga proses menganalisis data yang digunakan iaitu pengkodan terbuka, pengkodan baru, pengkodan bertema dan catatan memo. Pengkodan ialah proses mengatur dan menyusun data selepas proses pengumpulan data daripada temu bual. Pengkodan bertujuan untuk melabelkan, menyusun dan mengatur data mentah yang diperolehi. Seterusnya, pengkodan digunakan untuk menghubungkan antara data dan pentaksiran kepada data. Setelah pengkodan kategori, kod-kod kategori akan digabungkan mengikut tema dan idea-idea yang dibentuk berdasarkan data-data temu bual yang telah dikodkan. Pengkodan bertema ini bertujuan untuk membentuk gabungan tema bagi mewujudkan sebuah model, teori atau hubungan yang baru hasil daripada analisis kajian kualitatif yang dijalankan (Saldana, 2013).

DAPATAN ANALISIS PRINSIP KEPENTINGAN BOLEH LINDUNG TAKAFUL DALAM KONTRAK TAKAFUL

Dalam perenggan 3 jadual 8 seksyen 140 APKI 2013 menyatakan mengenai kepentingan boleh lindung takaful. Bagaimanapun, perincian mengenai kepentingan boleh lindung takaful dalam APKI 2013 ini hanya tertumpu terhadap kontrak takaful keluarga sahaja. Tujuan aspek kepentingan boleh lindung takaful ini ialah untuk menjelaskan mengenai bagaimana situasi sekiranya para peserta takaful menyertai kontrak takaful untuk melindungi selain daripada dirinya atau dengan erti kata lain untuk melindungi individu pihak yang ketiga.




Rajah 2: Dapatan Definisi Keperluan Boleh Lindung Takaful Keluarga Berdasarkan Resolusi Syariah BNM dan APKI 2013

Individu yang mempunyai kepentingan boleh lindung telah dinyatakan mengikut kategori tertentu sepertimana dalam perenggan 3(6) jadual 8 seksyen 140 APKI 2013 iaitu suaminya atau isterinya atau anaknya; anak jagaannya di bawah umur dewasa pada masa orang itu membuat kontrak takaful itu; pekerjaannya; atau seseorang yang kepadanya dia bergantung sepenuhnya atau sebahagiannya bagi saraan atau pendidikan pada masa dia membuat kontrak takaful itu. Kategori kepentingan boleh lindung adalah jelas mengenai suami atau isteri, anak, anak di bawah jagaan semasa kontrak takaful dibuat dan juga pekerja. Bagaimanapun, maksud "seseorang yang kepadanya dia bergantung sepenuhnya atau sebahagiannya bagi saraan atau pendidikan pada masa dia membuat kontrak takaful itu" boleh merangkumi pelbagai pentaksiran dalam menentukan aspek kepentingan boleh lindung.


Informan 1 bersetuju mengenai kategori kepentingan boleh lindungi turut meliputi hubungan seorang individu yang ingin mencarum dalam kontrak takaful bagi melindungi sekumpulan anak-anak yatim yang boleh diertikan sekumpulan anak-anak yatim tersebut

di bawah sebahagian saraan daripada individu yang mencarum tersebut. Manakala, Informan 2 pula mengulas bahawa kepentingan boleh lindung takaful mengenai penyertaan takaful yang melibatkan sekumpulan pihak-pihak tertentu contohnya terdapat individu yang ingin memberi bantuan dalam bentuk kontrak takaful kepada sekumpulan anak-anak yatim. Beliau berpendapat bahawa tidak terdapat peruntukan yang jelas membenarkan individu tersebut membuat kontrak takaful bagi melindungi sekumpulan anak-anak yatim dengan membuat kontrak takaful contohnya sekiranya ingin mendapatkan perlindungan melalui kontrak takaful. Secara dasarnya, APKI 2013 telah memberi maksud bahawa terdapat ruang lingkup perundangan yang membenarkan mana-mana individu untuk mencarum bagi mana-mana kumpulan individu yang kurang berkemampuan termasuklah anak-anak yatim. Namun begitu, pertimbangan yang sewajarnya masih lagi berdasarkan sejauhmana syarikat takaful boleh menerima risiko tersebut untuk mengimbangi antara tanggungjawab aspek pengurusan dana risiko peserta dan juga semangat tolong-menolong dan bekerjasama dalam kontrak takaful itu sendiri. Hubungan kepentingan boleh lindung antara peserta dan orang yang dilindungi mestilah wujud semasa kontrak takaful dibuat. Ini bererti, kontrak takaful dianggap tidak sah sekiranya peserta dan orang yang dilindungi tidak mempunyai hubungan kepentingan boleh lindung semasa kontrak takaful dibentuk. Sekiranya didapati tidak terdapat hubungan kepentingan boleh lindung antara peserta dan orang yang dilindungi dalam kontrak takaful, pihak syarikat takaful perlu menamatkan kontrak takaful tersebut dan membayar semula sejumlah caruman yang telah dikenakan semasa kontrak takaful tersebut dibuat berdasarkan kehendak BNM.




Rajah 3: Dapatan Analisis Pemilikan Manfaat Bagi Kontrak Takaful Terhadap Peserta atau Orang yang Dilindungi Berdasarkan Resolusi Syariah BNM dan APKI 2013

Kontrak takaful yang melibatkan hubungan kepentingan boleh lindung peserta dan orang yang dilindungi bermaksud peserta akan menerima pembayaran manfaat takaful termasuklah anuiti sekiranya berlaku kematian orang yang dilindungi sepertimana yang dipersetujui dalam kontrak takaful tersebut seperti rajah 3. Kontrak yang melibatkan kepentingan boleh lindung memerlukan kebenaran daripada orang yang dilindungi khususnya kepada orang yang dilindungi yang telah mencapai umur dewasa sepertimana rajah 4.




Rajah 4: Dapatan Analisis Keizinan Orang Yang Dilindungi Berdasarkan Resolusi Syariah BNM dan APKI 2013

Orang yang dilindungi yang telah mencapai umur dewasa juga boleh membatalkan persetujuan untuk dilindungi dalam kontrak takaful dengan menyatakan pembatalan persetujuan secara bertulis kepada syarikat takaful. Pembatalan persetujuan orang yang dilindungi dalam kontrak takaful menyebabkan kontrak takaful tersebut menjadi tidak sah.



Rajah 5: Dapatan Analisis Kontrak Sah Selagi Mana Wujud Hubungan Kepentingan Boleh Lindung Berdasarkan Resolusi Syariah BNM dan APKI 2013


Hubungan kepentingan boleh lindung boleh hilang sekiranya berlaku ketiadaan lagi hubungan tersebut contohnya seorang pekerja tidak lagi mempunyai kepentingan boleh lindung dengan majikannya apabila pekerja tersebut meletak jawatan daripada bekerja dengan majikan tersebut seperti dinyatakan rajah 5. Bagaimanapun, terdapat pengecualian yang melibatkan kes perceraian suami dan isteri. Hubungan kepentingan boleh lindung masih lagi dianggap kekal walaupun tidak ada lagi hubungan suami isteri tersebut akibat perceraian sepertimana rajah 6.



Rajah 6: Dapatkan Analisis Pengecualian Bagi Kes Pencarian Suami dan Isteri Berdasarkan Resolusi Syariah BNM dan APKI 2013

Peruntukan perenggan 3(12) jadual 8 seksyen 140 APKI 2013 menyatakan dalam situasi sivil takaful kumpulan, sivil takaful kumpulan masih dianggap sah dan tidak memerlukan semua peserta mempunyai kepentingan boleh lindung takaful bagi membuat kontrak takaful kumpulan. Ini bererti sekiranya terdapat individu yang ingin mendapatkan kontrak takaful kumpulan, peruntukan perundangan ini boleh dianggap satu ruang yang membenarkan "hasrat baik" tetapi masih tertakluk kepada kelulusan BNM dan syarikat takaful untuk menilai dan menjalankan pengunderaitan terhadap "hasrat baik" individu tersebut. Para peserta yang menyertai kontrak takaful juga perlu mendedahkan apakah hubungan peserta dengan orang yang dilindungi kepada pihak syarikat takaful untuk membolehkan syarikat takaful menilai kepentingan boleh lindung yang wujud antara kedu-dua pihak. Pendedahan ini perlu dinyatakan dalam borang permohonan takaful di bahagian "Hubungan Pemohon dengan Orang Yang Dicapadangkan untuk Dilindungi" sama ada isteri, suami, anak, pekerja atau apa sahaja bentuk hubungan untuk dinilai oleh syarikat takaful mengenai aspek kepentingan boleh lindung. Kepentingan boleh lindung ialah perenggan 3 Jadual 8 APKI 2013 turut menyatakan bahawa tidak menjejaskan sivil takaful keluarga yang dikeluarkan sebelum tarikh ditetapkan atau erti kata lain bermaksud kepentingan boleh lindung tidak terpakai kepada sivil takaful yang dikeluarkan sebelum APKI 2013 dikuatkuasakan. Peruntukan mengenai kepentingan boleh lindung ini menambahbaik struktur perundangan berkaitan takaful berbanding perundangan terdahulu iaitu Akta Takaful 1985 yang terdapat beberapa kelemahan dan kekurangan tertentu.

MPS BNM pada mesyuarat ke-52 bertarikh 2 Ogos 2005, mesyuarat ke-76 bertarikh 9 Jun 2008 dan mesyuarat ke-118 bertarikh 29 November 2011 telah memutuskan bahawa kepentingan boleh lindung hendaklah wujud semasa kontrak takaful dimeterai dan ketika tuntutan manfaat takaful dibuat.



Rajah 7: Dapatan Definisi Kepercayaan Boleh Lindung Takaful Am Berdasarkan Resolusi Syariah BNM dan APKI 2013

Berdasarkan rajah 7 menunjukkan bahawa peruntukan kepentingan boleh lindung dalam Perenggan 3 Jadual 8 APKI 2013 telah mengkodkan keputusan resolusi MPS BNM untuk dipraktikkan dalam industri takaful. Bagaimanapun, perenggan 3 Jadual 8 APKI 2013 ini hanya memperincikan kepentingan boleh lindung dalam takaful keluarga sahaja dan tiada peruntukan kepentingan boleh lindung dinyatakan dalam takaful am. Maffuza Salleh (2005) berpendapat ketiadaan elemen kepentingan boleh lindung dalam kontrak takaful am menyebabkan terdedah dengan elemen perjudian dan ketidakpastian (*gharar*).

Informan 1 pula berpendapat bahawa ketiadaan kepentingan boleh lindung dalam takaful am tidak memberi apa-apa kesan buruk terhadap industri takaful. Ini kerana syarikat takaful secara praktiknya hanya akan menerima risiko takaful am yang mempunyai kaitan tanggungan risiko dengan peserta takaful sahaja. Ini bermaksud syarikat takaful hanya membenarkan penyertaan takaful am yang mempunyai kepentingan boleh lindung sahaja dengan peserta takaful tersebut. Beliau juga menyatakan adalah sesuatu yang ganjil dan pelik sekiranya seseorang individu melindungi harta atau barangan yang bukan miliknya dan ini mendedahkan kepada risiko moral dan penipuan sekaligus menyebabkan syarikat takaful menolak penerimaan risiko tersebut dalam kontrak takaful am. Kepentingan boleh lindung takaful diambil daripada konsep kepentingan boleh lindung insurans konvensional yang bertujuan untuk mengelakkan risiko moral berlaku dalam industri takaful. Ini turut diperkukuhkan lagi dengan resolusi MPS BNM yang memutuskan bahawa kepentingan boleh lindung hendaklah wujud semasa kontrak takaful dimeterai dan ketika tuntutan manfaat takaful dibuat. Resolusi syariah ini seterusnya dikodkan dan perlu diterima sebagai suatu bentuk ijtihad yang diakui daripada syariah dan perundangan sivil melalui APKI 2013. Disebabkan tujuan kepentingan boleh lindung bertujuan melindungi kontrak takaful itu sendiri dan industri takaful secara amnya, aspek kepentingan boleh lindung ini perlu diterima sebagai sebahagian aspek pematuhan syariah dalam industri takaful. Oleh yang demikian, kontrak takaful yang tidak mempunyai kepentingan boleh lindung dikategorikan sebagai tidak sah daripada perspektif perundangan dan juga tidak mematuhi kriteria pematuhan syariah dalam industri takaful.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan bahawa prinsip kepentingan boleh lindung dalam kontrak takaful merupakan asas penting yang digazet dalam APKI 2013. Penekanan pada kepentingan boleh lindung adalah kritikal dalam memastikan keberkesanan operasi takaful dari perspektif syariah dan perundangan. Di bawah kerangka undang-undang yang baru, pelbagai pemain dalam industri takaful perlu memahami dan mengaplikasikan prinsip ini dengan teliti. Secara syariah, kepentingan boleh lindung menjamin bahawa kontrak takaful mematuhi prinsip-prinsip syariah dan memberikan perlindungan yang sah serta adil kepada peserta. Dari segi ekonomi, prinsip ini membantu mengekalkan stabiliti kewangan dengan memberikan ketenangan fikiran kepada peserta dalam menguruskan risiko kewangan mereka. Kontrak takaful yang menekankan kepentingan boleh lindung mempunyai kesan positif terhadap masyarakat dengan menyediakan sokongan dan bantuan kepada individu dalam keadaan yang memerlukan. Dengan keberkesanan prinsip kepentingan boleh lindung dalam kontrak takaful, diharapkan industri takaful dapat terus berkembang dan memberikan manfaat yang berterusan kepada masyarakat. Walaupun undang-undang seperti Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 menyediakan landasan yang kukuh, komitmen terhadap prinsip ini adalah perkara penting untuk memastikan kelestarian industri takaful dalam jangka panjang.

RUJUKAN

Buku

- Abdullah @ Alwi Haji Hassan (2008). *Akta Takaful 1984: Satu Analisa*. In: Asmak Ab Rahman et al, (Eds.). *Sistem Takaful di Malaysia: Isu-Isu Komtemporari*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya..
- Kahn, R. & Cannell, C. (1957). *The Dynamics of Interviewing*. New York: John Wiley.
- Marshall, C. & Rossman, G. C. (1995). *Designing Qualitative Research*. 2nd Ed. London: Sage Publication.
- Miles, M.B. & Huberman. (1994). *Qualitative Data Analysis*. London: Sage Publication.
- Zulkifli Hasan. (2012). *Shari'ah Governance in Islamic Banks*. Edinburgh Press: Edinburgh.

Dokumen

- Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013(Akta 759).
- Akta Takaful 1984
- Bank Negara Malaysia. (2010). *Resolusi Syariah Bank Negara Malaysia*. 2nd Ed, Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia.

Jurnal

- Mohamed Yusof, M. F., & Romli, N. (2019). Aplikasi Program Atlas.Ti Dalam Penyelidikan Kualitatif Pengajian Pascasiswazah Bidang Pengajian Islam: Suatu Cadangan Awal. *Al-Hikmah*, 11(1), 3-21.
- Nurdianawati Irwani, A., & Nazliatul Aniza, A. A. Case Studies of the Practice of Nomination and Hibah by Malaysian Takaful Operators. *ISRA International Journal of Islamic Finance* 2(2), 67-100.
- Patterson, E. W. (1944). Misrepresentation by Insured Under the New York Insurance Law. *Columbia Law Review*, 44(2), 241-255.
- Rodda, W. H. (1957). Multiple Line Underwriting. Rating Methods. *Journal of Insurance*, 133-144.
- Rusni, H., Mohammad Azam, H., & Adnan, Y. (2013). Penubuhan Dan Bidang Kuasa Mahkamah Muamalat Di Malaysia: Isu Dan Cabaran. *Jurnal KANUN*, 25(1),83-84.
- Safinar, S., Uzaimah, I., & Mahdi, Z. (2014). The Future of Takaful (Islamic Insurance) Business in Malaysia under the Islamic Financial Services Act (IFSA) 2013. *Australian Journal of Basic and Applied Sciences*, 8(15), 383-394.

Thanasegaran, H. (2008). Growth of Islamic Insurance (Takaful) in Malaysia: A Model for the Region? *Singapore Journal of Legal Studies*, 143-164.

Tesis

Maffuza Salleh. (2005). *Takaful dari prospek syariah dan perundangan mengikut amalan di Malaysia*. Disertasi Sarjana: Universiti Kebangsaan .

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.